

SUKAN

UMS Cemerlang Dalam Acara Trek dan Padang MASUM

Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya mencapai prestasi yang membanggakan dalam Kejohanan Sirkuit Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang telah diadakan pada Jan - Feb 2005. Pasukan UMS telah meraih lima pingat Emas, 11 Perak dan 16 Gangsa.

Pemenang pingat Emas adalah seperti berikut:

- | | | |
|---------------------|-------------------|---------------|
| 1. Nancy F. Michael | Lontar Peluru (W) | Sirkuit 1 |
| 2. Kelzed A. Staun | Lompat Jauh (L) | Sirkuit 1 |
| 3. Bommey Jamadil | Lompat Kijang (L) | Sirkuit II |
| 4. Bommey Jamadil | Lompat Jauh (L) | Sirkuit Akhir |
| 5. Nancy F. Michael | Lempar Peluru (W) | Sirkuit II |

Seramai lapan orang atlet UMS telah membawa cabaran pada kejohanan tersebut. Kejohanan anjuran MASUM ini merupakan acara tahunan IPTA/S yang memaparkan aksi-aksi atlet baru universiti dan atlet-atlet negara.

Kejohanan tiga sirkuit ini diadakan di Universiti Utara Malaysia (Sirkuit I), di Universiti Malaysia Sabah (Sirkuit II) dan di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur (Sirkuit Master/Akhir).